# Kenyataan Media

## MCMC SIASAT KANDUNGAN PALSU TERHADAP INSTITUSI DIRAJA: INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN

**CYBERJAYA, 18 Julai 2025 –** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan siasatan terhadap kandungan palsu menyentuh Institusi Diraja yang dimuat naik oleh seorang individu menerusi akaun Facebook miliknya.

Kandungan tersebut dipercayai mengandungi dakwaan palsu kononnya Majlis Raja-Raja telah membuat keputusan awal berhubung pelantikan Ketua Hakim Negara.

Dakwaan tersebut telah mengelirukan orang ramai dan menjejaskan integriti sistem perundangan negara, serta kewibawaan Institusi Diraja.

Bagi membantu siasatan, MCMC telah merakam keterangan individu terbabit pada 2.30 petang tadi, di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

MCMC mengingatkan orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang kandungan palsu yang menyentuh Agama, Kaum dan Institusi Diraja (3R).

MCMC kekal tegas dalam memastikan ruang siber tidak disalahgunakan untuk menyebarkan naratif palsu atau mengganggu proses demokrasi dan tadbir urus negara, sejajar dengan usaha mempertahankan kedaulatan undang-undang serta keharmonian masyarakat.

**LAMPIRAN GAMBAR**



**Sesi rakaman percakapan yang dijalankan oleh pasukan penguatkuasa MCMC di Pejabat Polis Daerah Dang Wangi pada Jumaat.**

**KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
**T**: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV